uum/BD49/um/14.07.2005/p: 27 (2).

Warga UUM disaran amal kerja berkumpulan

um 14/7/05 27: 2.

ALOR STAR 13 Julai – Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Datuk Dr. Nordin Kardi menyarankan agar warga kampus mengamalkan sikap bekerja secara berkumpulan untuk memajukan universiti itu.

Beliau berkata, sikap itu bukan sahaja dapat menjalin hubungan yang baik antara kakitangan malah semua urusan dapat dijalankan dengan lebih mudah dan beroleh kejayaan dalam semua aspek.

"Jalinan kerjasama itu dilihat menjadi kunci kepada kejayaan pemimpin-pemimpin yang terdahulu mengemudi universiti ini sejak ia ditubuhkan pada Februari 1984," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penyerahan tugas dan taklimat universiti di Bilik Senat UUM di sini, hari ini.

Dr. Nordin yang dilantik sebagai Naib Canselor keenam UUM memulakan tugasnya pada 3 Julai lalu serentak dengan pendaftaran pelajar baru bagi sesi 2005/2006.

Beliau juga berharap agar semua ketua jabatan mencari formula baru bagi membolehkan universiti itu mengukir kejayaan.

Dr. Nordin memberitahu meskipun sesetengah pihak beranggapan susah untuk menerima atau membuat perubahan pada masa sekarang, tetapi ia perlu dilakukan bagi membolehkan kejayaan dapat dicapai.

"Sesungguhnya ilmu pengetahuan dan keinginan untuk menempa kejayaan tidak terhad kepada usia semata-mata, oleh itu dalam menghadapi dunia ilmu pengetahuan, semua pihak harus berusaha untuk terus mencipta serta menghasilkan produk terbaik," jelasnya lagi.

Dalam majlis tersebut, beliau turut merakamkan penghargaan kepada Prof. Madya Dr. Abdul Razak Chik yang memangku jawatan itu selama enam bulan yang lalu.